

Bil. 17

Rabu

15 Ogos 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Kewarganegaraan Adik Sophia Lim Jou Qi
Yang Memerlukan Tindakan Segera**
- *YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)* [Halaman 1]
- **Kes Kematian Dalam Proses Penangkapan Polis
di Behrang Station, Behrang**
- *YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)* [Halaman 3]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 15 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Kewarganegaraan Adik Sophia Lim Jou Qi
Yang Memerlukan Tindakan Segera**

2.34 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa perkara bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan kepada perhatian Yang Berhormat Menteri berdasarkan kes yang saya terima berkaitan perkara di atas yang perlu diberi perhatian dan perlu disegerakan. *Single entry visa* yang dipegang oleh Sophia Lim Jou Qi yang dikenali sebagai Sophia telah pun luput pada 31 Mei 2018 dan ibu bapa beliau masih tidak dapat memperbaharui pasport Filipina beliau atas alasan-alasan seperti yang dihuraikan di bawah.

Sophia telah dilahirkan di Filipina pada 18 Disember 2012 dan kini berumur enam tahun. Ibu bapa angkat Sophia iaitu Lim Soon Eng dengan nombor kad pengenalan 520226-08-5131 dan Tan Ewe Gaik bernombor kad pengenalan 680416-08-5928 telah memperoleh satu Perintah Anak Angkat pada 26 Februari 2014 di Mahkamah Sesyen di Taiping dan sijil kelahiran baru telah dikeluarkan yang mana Sophia kini adalah anak yang sah kepada Lim Soon Eng dan Tan Ewe Gaik. Masalah yang dihadapi sekarang ialah sebelum taraf kewarganegaraan Sophia diluluskan, ibu bapa angkat Sophia tidak dapat memperbaharui pasport Filipina Sophia memandangkan kedua-duanya bukan warganegara Filipina dan juga bukan ibu bapa

kandung, menyebabkan status Sophia di Malaysia tergantung.

Saya mohon perhatian Yang Berhormat Menteri memberi panduan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah permohonan kewarganegaraan seperti yang dinyatakan. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Taiping. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, taraf kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku.

Dalam kes anak angkat kepada warganegara Malaysia, pengangkatan tidak membawa maksud pemerolehan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Walau bagaimanapun, ibu bapa angkat boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan sebelum anak angkat berumur melebihi 21 tahun.

Berhubung dengan isu dokumen pengenalan diri dan permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak warganegara Filipina bernama Sophia Lim Jou Qi, kementerian ini mengambil maklum bahawa permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan telah dikemukakan pada 6 Ogos 2014 oleh bapa angkat beliau Encik Lim Soon Eng. Permohonan tersebut masih dalam proses kementerian ini dan keputusan akan dimaklumkan terus kepada pemohon secara bersurat sebaik sahaja ia dimuktamadkan.

Berkaitan dengan isu pembaharuan pasport Filipina milik kanak-kanak tersebut, ia adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil semakan kementerian ini mendapati bahawa terdapat maklumat ibu kandung kanak-kanak iaitu Eryl Jean Crispo, bernombor pasport Filipina EB8851222 pada Petisyen Anak Angkat No. 58-13-10/2013 daripada Mahkamah Sesyen di Taiping. Justeru, ibu bapa angkat dinasihatkan untuk berhubung terus dengan ibu kandung bagi membantu menguruskan isu tersebut. Dalam hal ini, adalah ditegaskan bahawa ibu bapa angkat bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan pasport dengan negara asal anak angkat. Kegagalan ibu bapa angkat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri yang akhirnya menyebabkan keberadaan kanak-kanak adalah secara tidak sah di negara ini.

Kementerian ini turut ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat agar merujuk terus penama ke Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara dengan cara hadir ke pejabat dan kaunter ataupun melalui e-mel dan telefon bagi membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia yang dikemukakan oleh mana-mana individu. Terima kasih.

Kes Kematian Dalam Proses Penangkapan Polis di Behrang Station, Behrang

2.39 ptg.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan saya pada hari ini adalah mengenai kes kematian dalam proses penangkapan polis di Behrang Station, Behrang.

■1440

Sebelum saya mulakan ucapan saya, saya ingin juga maklumkan kepada Majlis yang mulia ini bahawa kakak kepada si mati, iaitu Puan Low Yet Lee turut bersama pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Julai 2018, lebih kurang jam 11.30 malam, satu pasukan polis seramai kira-kira sepuluh orang anggota telah melakukan tangkapan di Kampung Baru Behrang Stesen. OYDS yang bernama Low Boon Loong, nombor IC - 750928-08-5463, telah tumbang dan meninggal dunia dalam proses penangkapan tersebut.

Pada 4 Julai 2018, doktor pakar perubatan forensik, Dr. Siti Zahariah binti Md Naziri telah mengesahkan bahawa sebab utama kematian Low Boon Loong adalah penyakit arteri koronari. Namun, keluarga si mati juga dimaklumkan oleh doktor bahawa kesan-kesan pukulan dijumpai di atas mayat Low Boon Loong.

Penduduk-penduduk yang menyaksikan proses penangkapan mendiang Low Boon Loong telah mengadu bahawa klip-klip video yang dirakam oleh mereka turut dipadamkan oleh anggota polis. Ini menimbulkan kecurigaan bahawa ada pihak yang cuba menyembunyikan sesuatu dengan memusnahkan bukti.

Daripada kenyataan akhbar pihak polis, kami difahamkan kes ini disiasat di bawah seksyen 6(3) Akta Pertaruhan. Oleh kerana nyawa seorang manusia terkorban dalam proses penangkapan pihak polis, saya mendesak agar kes ini juga disiasat di bawah seksyen 299 Kanun Keseksaan, iaitu mematikan orang dengan salah, ataupun seksyen 304(a) di bawah undang-undang yang sama, iaitu menyebabkan kematian yang cuai.

PDRM harus bersikap profesional walaupun melibatkan anggota sendiri. Soalan saya, pertama adakah anggota-anggota polis yang terlibat dalam penangkapan tersebut disiasat di

bawah Kanun Keseksaan. Kedua, kalau tuduhan yang dilemparkan terhadap anggota-anggota polis tersebut adalah benar, iaitu memukul OYDS dan memadamkan klip video yang dirakam oleh penduduk yang berada di tempat kejadian, adakah tindakan-tindakan ini mengikut SOP PDRM. Ketiga, bagaimana pihak KDN dapat mencegah peristiwa yang sama daripada berlaku lagi pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menjawab.

2.42 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Julai 2018, jam 10.15 malam dan bertindak atas maklumat, sepasukan anggota polis telah membuat serbuan di Restoran Every Enterprise, No A-19, Jalan Besar Pekan Behrang Stesen, Behrang, Perak kerana tempat berkenaan disyaki terlibat dengan kegiatan perjudian loteri awam secara haram. Pasukan serbuan yang memasuki premis tersebut telah terus ke bahagian belakang kedai dan mendapati mangsa berada di sebuah meja sedang menulis sesuatu di atas sekeping kertas putih sambil melihat sebuah komputer riba yang berada di hadapannya.

Ketika serbuan tersebut, terdapat dua orang saksi awam yang turut berada dalam bahagian belakang kedai tersebut iaitu seorang lelaki Cina dewasa merupakan salah seorang pekerja mangsa dan seorang budak lelaki Cina yang sedang bermain *game*. Mangsa telah bertindak agresif dan semasa proses tangkapan telah berlaku pergelutan. Mangsa enggan memberi kerjasama dan telah menelan kertas disyaki ada kaitan dengan pertaruhan judi bola. Mangsa telah rebah dan tidak sedarkan diri, pihak polis telah dihubungi dan selang 30 minit kemudian, ambulans telah tiba dan mangsa dibawa ke Hospital Slim River, Perak untuk rawatan lanjut. Namun, setiba di hospital, doktor yang bertugas di wad kecemasan Hospital Slim River mengesahkan mangsa telah meninggal dunia.

Post-mortem dilakukan pada 4 Julai 2018 dan pakar perubatan forensik mengesahkan punca kematian mangsa adalah disebabkan oleh penyakit arteri koronari. Terdapat kesan lebam pada badan mangsa tetapi tidak dapat mengesahkan punca sebenar kesan lebam tersebut dan kemungkinan besar disebabkan oleh pergelutan antara mangsa dengan pihak polis semasa tangkapan.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi tentang adakah anggota polis yang terlibat disiasat di bawah Akta Kanun Keseksaan? Dalam

kes ini, pihak polis telah membuka dua kertas siasatan iaitu kesalahan di bawah seksyen 6(3) Akta Pertaruhan 1953 dan kejadian mati mengejut (*sudden death report-SDR*). Untuk siasatan SDR, ia masih dalam peringkat siasatan kerana masih menunggu laporan kimia dan laporan *post-mortem*. Buat masa ini, tiada pegawai polis diambil tindakan undang-undang dan kementerian juga memberi jaminan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak polis yang terlibat jika terdapat pelanggaran dalam kejadian tersebut setelah semua proses siasatan telah dilaksanakan.

Bagi persoalan tentang tuduhan yang dilemparkan bahawa anggota polis telah memukul mangsa dan memadamkan klip video yang dirakam di tempat kejadian adalah perkara yang tidak benar. Siasatan awal yang dijalankan mendapati tiada insiden memukul mangsa dan yang berlaku adalah pergelutan semasa proses untuk menangkap mangsa yang bertindak agresif pada waktu itu. Perkara ini disahkan oleh dua orang saksi yang berada bersama di dalam bilik berkenaan. Namun demikian hasil laporan penuh *post-mortem* yang akan dikeluarkan nanti, akan menjelaskan perkara yang sebenarnya.

Pemadaman klip video juga tidak berlaku. Saya merujuk kepada soalan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa penduduk-penduduk yang menyaksikan proses penangkapan video mendiang Low Boon Loong juga mengadu bahawa klip-klip video yang dirakam oleh mereka turut dipadamkan oleh anggota polis. Kementerian berkeyakinan sekiranya ada rakaman dibuat, ia telah *diviralkan* dalam media sosial dan agak sulit bagi pihak polis memadamkan semua video yang dirakam oleh penduduk yang berada di tempat kejadian seperti yang didakwa. Kalau video tidak ada gambar pasti ada. PDRM sentiasa mengambil langkah-langkah yang selaras dengan *standard operating procedure* (SOP) semasa menjalankan operasi ataupun tangkapan.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberikan ingatan kepada semua agensi penguatkuasaan supaya tidak menggunakan sebarang kekerasan atau melakukan penganiayaan terhadap mana-mana orang awam dan hak asasi manusia hendaklah diutamakan dalam semua proses penguatkuasaan. Ingin ditegaskan lagi bahawa kementerian tidak akan berkompromi dalam perkara ini, dalam era "Malaysia Baru", kedaulatan undang-undang akan menjadi agenda utama kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Kamar Khas ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis 16 Ogos 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.47 petang]